



ULASAN BAHAGIAN INSURANS HAYAT MALAYSIA

Bagi sembilan (9) bulan berakhir 30 September 2011, sebelum jualan MAA Assurance disempurnakan, Bahagian Insurans Hayat Malaysia mencatatkan premium diraih kasar berjumlah RM681.3 juta (2010: 9 bulan berakhir 30 September: RM681.8 juta; setahun penuh: RM1.0 bilion).

Bahagian Insurans Hayat Malaysia juga mencatatkan jumlah pendapatan pelaburan bersih, keuntungan atau kerugian daripada realisasi pelaburan dan perubahan nilai saksama portfolio pelaburan berjumlah RM174.5 juta, iaitu penyusutan sebanyak 49.7% daripada RM346.9 juta bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya (tahun penuh 2010: RM472.6 juta). Kemerosotan pada tahun yang dilaporkan disebabkan terutamanya kerugian nilai saksama atas sekuriti disebut harga yang berjumlah RM69.7 juta berbanding keuntungan nilai saksama RM127.1 juta pada tempoh yang sama pada 2010.

Bahagian Insurans Hayat Malaysia mencatatkan lebih sebelum cukai berjumlah RM82.1 juta bagi sembilan (9) bulan berakhir 30 September 2011 (2010: 9 bulan berakhir 30 September: RM20.0 juta; tahun penuh: RM62.1 juta). Lebih tinggi pada 2011 dicatatkan disebabkan terutamanya jumlah pendapatan pelaburan bersih, keuntungan atau kerugian daripada realisasi pelaburan dan perubahan nilai saksama portfolio pelaburan yang lebih tinggi.

Seperti mana tahun-tahun lepas, tiada pemindahan kepada lebih dibuat daripada Dana Insurans Hayat kepada Dana Pemegang saham sebelum selesainya jualan MAA Assurance untuk memenuhi keperluan modal di bawah Rangka Kerja RBC.

ULASAN BAHAGIAN INSURANS AM MALAYSIA

Bagi sembilan (9) bulan berakhir 30 September 2011, sebelum selesainya jualan MAA Assurance, Bahagian Insurans Am Malaysia mencatatkan jumlah premium diraih kasar sebanyak RM346.9 juta (2010: 9 bulan berakhir 30 September: RM390.4 juta; tahun penuh: RM521.7 juta). Pengurangan dalam premium diraih kasar dalam tahun yang dilaporkan disebabkan terutamanya kurang perniagaan portfolio motor yang ditaja jamin. Campuran portfolio pada 2011 adalah kira-kira 54.2% motor dan 45.8% bukan motor (2010: 59.1% motor dan 40.9% bukan motor).

Dalam tempoh sembilan (9) bulan yang dilaporkan, nisbah tuntutan melonjak kepada 59.1% berbanding 64.1% pada tempoh yang sama pada 2010. Peningkatan ini disebabkan oleh langkah strategik berterusan yang diambil sejak tahun-tahun sebelumnya untuk beralih daripada perniagaan yang tidak menguntungkan. Di samping nisbah tuntutan yang lebih rendah, Bahagian ini juga telah mencatatkan peningkatan kecil 4.5% dalam jumlah pendapatan pelaburan bersih, keuntungan atau kerugian daripada realisasi pelaburan dan perubahan nilai saksama portfolio pelaburan berjumlah RM25.4 juta (2010: RM24.3 juta).

Disebabkan terutamanya oleh nisbah tuntutan yang lebih rendah, Bahagian Insurans Am Malaysia meraih keuntungan sebelum cukai berjumlah RM60.8 juta, peningkatan 58.7% berbanding keuntungan sebelum cukai RM38.3 juta pada tempoh yang sama pada 2010.

ULASAN BAHAGIAN TAKAFUL MALAYSIA

Pada 2011, Dana Takaful Keluarga Malaysia mencatatkan jumlah sumbangan diraih kasar sebanyak RM163.8 juta (2010: RM157.4 juta) terutamanya daripada produk berkaitan pelaburan, manakala bahagian Takaful Am mencatatkan jumlah sumbangan diraih kasar berjumlah RM124.5 juta (2010: RM99.5 juta), terutamanya daripada pertumbuhan kelas perniagaan insurans motor, kebakaran, marin, penerbangan dan transit, dan rampaian.

Dana Pemegang Saham MAA Takaful mencatatkan sedikit peningkatan Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai iaitu RM7.5 juta (2010: RM7.2 juta), selepas mengambil kira lebih RM6.4 juta (2010: RM3.4 juta) yang dipindahkan daripada Dana Takaful Keluarga.

ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

(bersambung)



Dana Takaful Am Malaysia pula telah pulih daripada kerugian sebelum Zakat dan Cukai RM5.8 juta untuk mencapai keuntungan sebelum cukai RM6.8 juta pada tahun yang dilaporkan. Keputusan lebih baik ini diperolehi menerusi nisbah tuntutan yang lebih rendah, iaitu daripada 80.3% pada 2010 kepada 54.2%, terutamanya daripada kelas perniagaan kebakaran, motor dan rampaian.

Dana Takaful Keluarga mencatatkan Lebihan Sebelum Zakat dan Cukai berjumlah RM61.9 juta (2010: RM66.0 juta) sebelum pemindahan lebihan RM6.4 juta (2010: RM3.4 juta) kepada Dana Pemegang Saham. Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 16(3) Akta Takaful 1984, lembaga pengarah MAA Takaful Berhad ("MAAT") telah meluluskan pengagihan lebihan Dana Takaful Keluarga berjumlah RM12.8 juta berasaskan cadangan oleh aktuari yang dilantik syarikat. Pengagihan ini akan dikongsi bersama oleh syarikat (sebagai pengendali) dan peserta menurut dasar pengagihan lebihan MAAT.

Buat tahun ketiga berturut-turut, Kumpulan mengumumkan bahawa MAAT telah menerima anugerah "Produk Takaful Paling Cemerlang" bagi produk Takafulink di Majlis Anugerah Kewangan Islam Kuala Lumpur Kelapan yang diadakan pada 2011.

MAAT, yang memasuki tahun kelima operasi, terus melangkah maju untuk mengoptimumkan proses dan sistem dalaman, sambil meluaskan tawaran produk dan membuka cawangan baru untuk memastikan pelanggan meraih manfaat mutlak dari segi perkhidmatan yang cekap dan produk yang lebih baik.

MAAT meramalkan bahawa persekitaran operasi di dalam sektor takaful akan terus mencabar dan kompetitif. Namun begitu, MAAT akan meneruskan usaha untuk melancarkan produk inovatif baru, meluaskan asas pelanggan, mendapatkan tenaga agensi yang berkualiti dan produktif dan membuka cawangan dan saluran peredaran baru.

ULASAN BAHAGIAN UNIT AMANAH MALAYSIA

Pada 2011, industri unit amanah Malaysia mencatatkan pertumbuhan dengan jumlah Nilai Aset Bersih ("NAV") dana di bawah pengurusan meningkat sebanyak 10.0% kepada RM249.5 bilion (2010: RM226.7 bilion).

Pada akhir Disember 2011, jumlah dana di bawah pengurusan MAAKL Mutual Bhd ("MAAKL") meningkat daripada dua puluh lima (25) pada 2010 kepada dua puluh enam (26) dengan pelancaran satu dana baru dalam tahun yang dilaporkan, iaitu Dana MAAKL-HDBS Syariah Progress. Pada tahun yang dilaporkan, jumlah NAB dana unit amanah di bawah pengurusan MAAKL meningkat sedikit, daripada RM1.81 bilion pada akhir Disember 2010 kepada RM1.86 bilion pada akhir Disember 2011. Kedudukan MAAKL dari segi bahagian pasaran naik daripada nombor 9 pada akhir Disember 2010 kepada nombor 8 pada akhir Disember 2011.

Pada akhir Disember 2011, MAAKL mempunyai seramai 1,495 ejen (2010: 1,212 ejen). Dalam usaha menambah baik perkhidmatan kepada pelanggan dan ejen, MAAKL melancarkan aplikasi mudah alih *MAAKL Home Office* untuk iPad dalam tahun yang dilaporkan untuk membolehkan mereka memantau pelaburan unit amanah mereka pada bila-bila masa di mana-mana sahaja.

Pada tahun yang dilaporkan, MAAKL terus memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan, dengan peningkatan Keuntungan Sebelum Cukai kepada RM2.5 juta (2010: RM2.2 juta).



ULASAN BAHAGIAN INSURANS & UNIT AMANAH ANTARABANGSA

MAA International Assurance Ltd ("MAAIA"), bahagian insurans dan pelaburan luar pesisir Kumpulan yang berpangkalan di Labuan, meraih pendapatan premium kasar berjumlah RM9.0 juta (2010: RM52.9 juta). Premium lebih rendah itu disebabkan terutamanya kerana komutasi kedua-dua treati insurans semula hayat dan am dengan MAA Assurance pada tahun yang dilaporkan. MAAIA mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai RM46.7 juta (2010: RM9.4 juta) sebelum mengambil kira elauan kemerosotan nilai yang dibuat terhadap aset dan pelaburan dalam anak syarikat insurans di Indonesia yang berjumlah RM33.8 juta (2010: RM32.6 juta) pada tahun yang dilaporkan. Namun begitu, elauan kemerosotan nilai atas pelaburan dalam anak syarikat insurans tersebut tidak akan memberi kesan terhadap Keputusan Kumpulan kerana Kumpulan sudah memasukkan keputusan anak syarikat sejak tarikh pemerolehan.

Buat tahun ketujuh berturut-turut, perniagaan insurans am di Filipina memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan, dengan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak RM6.4 juta (2010: RM2.3 juta). Dalam pada itu, perniagaan insurans hayat di Indonesia memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan dengan Kerugian Sebelum Cukai RM6.8 juta (2010: RM8.2 juta) manakala perniagaan insurans am mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai kecil berjumlah RM0.3 juta (2010: Kerugian Sebelum Cukai RM0.1 juta). Kedua-dua perniagaan insurans hayat dan am di Indonesia telah disatukan operasinya untuk mengurangkan portfolio perniagaan yang tidak menguntungkan pada tahun yang dilaporkan.

Sejak 2008, Kumpulan telah mengecilkan operasinya dalam perniagaan unit amanah di Filipina untuk mengurangkan kos dan menangani perniagaan yang tidak berdaya maju. Kumpulan akan terus mencari pihak yang berminat bagi melupuskan pelaburan dalam perniagaan unit amanah di Filipina.

Dalam perkembangan lain, syarikat bersekutu Kumpulan, Columbus Capital Pty Ltd ("Columbus") yang memulakan operasi pada 2006 untuk menjalankan perniagaan gadai janji runcit dan penselamatan hutang di Australia, mencatatkan Kerugian Selepas Cukai RM5.0 juta pada 2011 (2010: RM2.1 juta). Kerugian tersebut timbul terutamanya kerana hasil faedah lebih rendah yang diperolehi daripada portfolio hutang yang semakin kecil disebabkan oleh kematangan portfolio tertentu pada tahun yang dilaporkan.

Justeru, Columbus kini mengorak langkah ke hadapan, dengan mencari portfolio gadai janji baru yang boleh diambil alih, dalam usaha untuk mencapai ekonomi skala. Selepas 31 Disember 2011, Columbus telah mengemukakan bida untuk memperolehi portfolio gadai janji yang dikeluarkan oleh syarikat gadai janji lain yang berjumlah kira-kira AUD2.2 bilion (RM6.97 bilion). Pembiayaan bagi pemerolehan portfolio gadai janji tersebut adalah menerusi pinjaman bank, yang akan dibayar balik dengan penerbitan sekuriti Tanggungan Hutang Bercagar ("CDO") oleh Columbus. Sekiranya Columbus berjaya dalam bidanya dan jika industri gadai janji di Australia terus mantap seperti yang diperlihatkan baru-baru ini, masa depan Columbus kelihatan amat cerah.